

Panduan Kerja Kursus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5 (April – Mei 2012) – Huraian Senarai dan Catatan Pelarasan.

Merujuk pada muka surat 2 soalan tugas, item no 1, pelarasan (a) – (d), jawapan setiap pelajar sepatutnya sama. Berikut ialah huraian terperinci tentang pelaksanaan senarai pelarasan.

Maklumat tambahan berikut perlu diambil kira dalam penyediaan tugas.

**(a) Stok akhir dinilai pada harga berikut:
 Harga kos : RM52 800
 Harga pasaran : RM52 680**

Untuk item (a), pelajar perlu membuat pilihan nilai stok akhir mengikut **konsep konservatisme**, iaitu memilih nilai stok yang terendah antara harga kos dan pasaran (RM52 680). Jadi pelajar perlu menyatakan ayat pelarasan yang bersesuaian, contohnya:

a) Stok akhir dinilai pada harga RM52 680, iaitu terendah antara harga kos dan harga pasaran.

Pada bahagian ini, terdapat dua catatan Jurnal Am yang perlu disediakan. Yang pertama, untuk memindahkan nilai stok awal ke Akaun Perdagangan, dan yang kedua, memindahkan nilai stok akhir ke Akaun Perdagangan.

JURNAL AM				JA2	
Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)	
2012 April 30	Akaun Perdagangan Akaun Stok <i>(memindahkan nilai stok awal ke Akaun Perdagangan)</i>		48 500	48 500	
April 30	Akaun Stok Akaun Perdagangan <i>(memindahkan nilai stok akhir ke Akaun Perdagangan)</i>		52800	52680	

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

(b) Pengiraan susut nilai kenderaan ialah mengikut kaedah ansuran tetap manakala perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Susut nilai kenderaan hanya dinyatakan kaedahnya sahaja (ansuran tetap / garis lurus) tetapi tidak dinyatakan kadar peratus. Pelajar **perlu menentukan kadar peratus SN** menggunakan maklumat kenderaan lama yang berkos RM30 000, SNT Kenderaan RM24 000, telah digunakan selama 4 tahun.

Ingat kembali rumus SN kaedah ansuran tetap:

Belanja SN = % SN x Harga Kos (untuk setahun)

Maklumat yang diberikan adalah untuk 4 tahun.

Pengiraan kadar peratus SN:

$$24000 = x/100 \times RM30\,000 \times 4 \text{ (tahun)}$$

$$x = 20\% \text{ (selesaikan kaedah algebra)}$$

Ayat pernyataan pelarasan Susut Nilai perlu dinyatakan di dalam jawapan. Contohnya:

b) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah ansuran tetap.

Jadi, pelajar telah mengetahui kadar SN kenderaan. Sekarang pelajar perlu **mengira belanja SN semasa**. (INGAT: urusniaga di dalam tugas hanya untuk 1 bulan sahaja iaitu April 2012). Juga perlu diingatkan perniagaan sekarang mempunyai dua buah kenderaan (lama dan yang dibeli pada 1 April 2012). Oleh itu, pastikan mengira belanja SN untuk kedua-dua buah kenderaan **untuk sebulan**. (Nota: SN kenderaan lama perlu dikira kerana ianya hanya dijual pada 30 April 2012, jadi sebulan penggunaan dalam bulan April masih perlu diambilkira)

Pengiraan SN kenderaan (April 2012):

$$\text{Lama: } = 20\% \times RM30\,000 \times 1/12 = RM500$$

$$\text{Baru: } = 20\% \times RM45\,000 \times 1/12 = RM750$$

$$\text{Jumlah } RM1250$$

Bagi perabot pula, menggunakan kaedah baki berkurangan. Ingat kembali rumus:

$$\text{Belanja SN} = \% \text{ SN} \times (\text{Kos} - \text{SN Terkumpul})$$

Pengiraan SN perabot (April 2012):

$$\text{SN} = 10\% \times (RM20\,000 - RM5\,420) \times 1/12 = RM122$$

Rekodkan SN kedua-dua aset di atas ke dalam Jurnal Am:

JURNAL AM				JA2	
Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)	
2012 April 30	Belanja Susut Nilai Kenderaan Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (merekod susut nilai kenderaan)		1250		1250
April 30	Belanja Susut Nilai Perabot Susut Nilai Terkumpul Perabot (merekod susut nilai kenderaan)		122		122

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

(c) Kenderaan yang berkos RM30 000 telah dilupuskan pada harga RM15 000 pada 30 April 2012.

Apabila kenderaan lama dijual, beberapa perkara perlu dititikberatkan oleh pelajar:

- a) Harga kos kenderaan tersebut (**RM30 000**)
- b) Jumlah Susut Nilai Terkumpul Kenderaan sehingga tarikh dijual (**RM24 500**, iaitu RM24 000 + RM500)
- c) Harga jualan aset tersebut (**RM15 000**)

Langkah selepas ini ialah, pelajar perlu mengeluarkan nilai kos kenderaan yang dijual dan juga susut nilai terkumpul kenderaan yang dijual dari Akaun Kenderaan dan Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan dan memindahkannya ke Akaun Pelupusan Kenderaan. Jurnalnya:

JURNAL AM

JA2

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Pelupusan Kenderaan Kenderaan <i>(memindahkan kos kenderaan dijual ke Akaun Pelupusan)</i>		30 000	30 000
April 30	Susut Nilai Terkumpul Kenderaan Pelupusan Kenderaan <i>(memindahkan susut nilai terkumpul kenderaan dijual ke Akaun Pelupusan)</i>		24 500	24500

Kemudian, pelajar merekod terimaan tunai hasil pelupusan kenderaan. Jurnalnya:

JURNAL AM

JA2

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Bank Pelupusan Kenderaan <i>(merekod terimaan pelupusan kenderaan)</i>		15 000	15 000

Urusniaga ini akan menghasilkan untung pelupusan kenderaan RM9 500 (Jumlah kredit Ak. Pelupusan RM39500 berbanding jumlah debit Ak. Pelupusan RM30000). Catatan jurnalnya:

JURNAL AM

JA2

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Pelupusan Kenderaan Untung Pelupusan Kenderaan <i>(merekod untung pelupusan kenderaan)</i>		9 500	9 500

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

(d) Salah seorang penghutang telah diisytiharkan muflis.

Untuk pelarasan ini, pelajar perlu mengenalpasti yang mana satukah penghutang yang diisytiharkan muflis. Sehingga 31 April 2012, perniagaan mempunyai 3 penghutang, iaitu Syarikat Maju Jaya, Mewah Enterprise dan Perniagaan Mthusamy. Merujuk kepada urusiaga sepanjang April, Syarikat Maju Jaya tidak mempunyai sebarang urusiaga dengan perniagaan. Maka Syarikat Maju Jaya secara logiknya adalah penghutang yang telah diisytiharkan muflis. Bakinya sebanyak RM1 500 akan dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Ayat pelarasan yang sesuai, contohnya:

d) Hutang Syarikat Maju Jaya sebanyak RM1 500 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Jurnal pelarasan:

JURNAL AM			JA3	
Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Hutang Lapuk Syarikat Maju Jaya <i>(merekod Syarikat Maju Jaya sebagai hutang lapuk)</i>		1 500	1 500

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

e) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan ke atas baki penghutang bersih mengikut kadar yang sesuai.

Setelah Syarikat Maju Jaya dihapuskan sebagai hutang lapuk, maka jumlah penghutang bersih perniagaan ialah RM32 940 (baki akaun Mewah Enterprise RM15 640 dan Perniagaan Mthusamy RM17 300). Sekarang, pelajar perlu menentukan kadar peruntukan hutang ragu yang sesuai. Pelajar boleh memilih sebarang peratus yang sesuai (contohnya 2%, 5% dsb). Sebagai contoh, **sekiranya pelajar memilih 5%** sebagai kadar peruntukan hutang ragu:

e) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas nilai penghutang bersih.

Pengiraan hutang ragu:

$$\text{PHR} = 5\% \times \text{RM}32\,940 = \text{RM}1\,647$$

Sekarang, pelajar perlu membandingkan nilai peruntukan hutang ragu RM1 647 ini dengan baki yang terdahulu untuk menentukan sama ada berlaku peningkatan atau pengurangan hutang ragu.

PHR baru (30 April 2012)	RM1 647
PHR lama (1 April 2012)	RM 482
Peningkatan hutang ragu	RM1 165

Daripada pengiraan di atas, berlaku peningkatan Peruntukan Hutang Ragu. Jadi amaun peningkatan RM1 165 akan direkodkan sebagai belanja. Jurnal pelarasan:

JURNAL AM

JA3

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Hutang Ragu Peruntukan Hutang Ragu (merekod peningkatan peruntukan hutang ragu)		1 165	1 165

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

(f) Dua item belanja terakru.

Untuk item ini, pelajar perlu mencipta dua item belanja terakru yang bersesuaian. Untuk mengenalpasti **item belanja** yang sesuai, pelajar perlu merujuk kepada bahagian kredit Buku Tunai (item pembayaran). Item yang bersesuaian untuk dijadikan pelarasan belanja terakru mungkin terdiri daripada pengiklanan, belanja am, insurans dan kadar bayaran. Contoh ayat pelarasan:

- f) i) Belanja _____ RM_{xx} masih terakru dalam bulan April.
ii) Belanja _____ untuk bulan April RM_{yy} masih belum dibayar.

Seterusnya membuat catatan pelarasan:

JURNAL AM

JA3

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	<Nama Belanja> <Nama Belanja> Terakru (merekod <nama belanja> terakru)		xx	xx

(g) Satu item belanja terdahulu.

Untuk item ini, pelajar perlu mencipta satu item belanja terdahulu. Untuk mengenalpasti **item belanja** yang sesuai, pelajar perlu merujuk kepada bahagian kredit Buku Tunai (item pembayaran). Item yang bersesuaian untuk dijadikan pelarasan belanja terdahulu mungkin terdiri daripada pengiklanan, belanja am, insurans dan kadar bayaran. Contoh ayat pelarasan:

- g) RM_{xx} daripada <nama belanja> adalah bayaran untuk bulan Mei 2012.

Pelarasan:

JURNAL AM

JA3

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	<Nama Belanja> Terdahulu <Nama Belanja> (merekod <nama belanja> terdahulu)		xx	xx

PENTING: Pastikan item belanja terakru dan belanja terdahulu adalah berbeza. Contohnya, jangan berlaku keadaan di mana wujud Pengiklanan Terakru dan juga Pengiklanan Terdahulu.

(h) Satu item hasil terdahulu.

Untuk item ini, pelajar perlu mencipta satu item hasil terdahulu. Untuk mengenalpasti **item hasil** yang sesuai, pelajar perlu merujuk kepada bahagian debit Buku Tunai (item penerimaan). Item yang bersesuaian untuk dijadikan pelarasan hasil terdahulu ialah komisen diterima. Contoh ayat pelarasan:

h) Komisen diterima dalam bulan April 2012 ialah RM480. Daripada amaun tersebut, RM_{xx} adalah komisen untuk bulan Mei 2012 (hasil terdahulu).

Pelarasan:

JURNAL AM				JA3
Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	Komisen diterima Komisen diterima terdahulu (<i>merekod komisen diterima terdahulu</i>)		<i>xx</i>	<i>xx</i>

*Lajur folio perlu dilengkapkan, rujuk guru anda untuk maklumat lanjut.

**(i) Pembedulan kesilapan:
- Pilih mana-mana dua jenis kesilapan.**

Kesilapan yang paling mudah untuk direka ialah **kesilapan ketinggalan satu urusaniaga**. Pelajar mengadakan sebuah urusaniaga yang kononnya telah berlaku, tetapi terlupa direkodkan. Sebagai contoh, ambilan barang niaga bernilai RM_{xx} telah terlupa catat dalam mana-mana buku. Jadi, pelajar perlu rekodkan sahaja urusaniaga yang tertinggal itu.

Kesilapan berikutnya yang mungkin boleh digunakan oleh pelajar ialah **kesilapan prinsip**. Mungkin pelajar boleh mengatakan bahawa terdapat belian kelengkapan pejabat secara tunai telah tersalah rekod ke Akaun Belian.

Lagi satu kesilapan yang boleh dikesan di dalam soalan ialah **kesilapan amaun**. Di dalam Buku Tunai, pembayaran ansuran kenderaan dicatat sebagai RM450, tetapi di dalam maklumat belanjawan, bayaran ansuran kenderaan ialah RM420. Diandaikan perbezaan RM30 itu adalah satu kesilapan, maka catatan pembedulan perlu dilakukan.

**oleh kerana bentuk kesilapan boleh ditulis dalam pelbagai situasi, jadi untuk catatan jurnal pembedulan, sila rujuk dengan guru masing-masing dengan mengemukakan draf jawapan.*